

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

RHB Essential PrimeLink Plus-Premier

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil RHB Essential PrimeLink Plus-Premier. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Polisi insurans berkaitan pelaburan (ILP) menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan sehingga <Tempoh>. Apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) sebelum sampai umur 70. Satu jumlah manfaat tambahan akibat daripada kemalangan sebelum sampai umur 70 akan dibayar sekali gus.

Nilai dana Insurans Berkaitan Perlaburan ini bergantung pada harga unit dana yang di mana bergantung pada prestasi dana(-dana) yang anda pilih.

Terdapat lima dana yang sedia ada untuk pilihan anda, setiap dana mempunyai objektif pelaburan dan profil risiko yang berbeza:

(i) Dana TokioMarine-Enterprise

Bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham berkualiti yang senarai dalam Bursa Malaysia dan bursa saham luar negara.

(ii) Dana TokioMarine-Managed

Satu dana yang diurus secara aktif bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham dan sekuriti pendapatan tetap melalui Dana TokioMarine-Enterprise dan Dana TokioMarine-Bond serta dalam mana-mana dana Tokio Marine yang lain atau dana pihak ketiga yang mungkin ditawarkan pada masa hadapan.

(iii) Dana TokioMarine-Orient

Bertujuan untuk meningkatkan modal dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur secara terpilih dalam sekuriti, seperti ekuiti dan bon yang berkaitan, sama ada yang disenarai atau akan disenarai dalam pasaran ekuiti Asia yang bukan dari Japan.

(iv) TokioMarine-Dana Ikhtiar

Bertujuan untuk memberikan gabungan yang seimbang bagi pendapatan dan modal yang berpotensi berkembang dengan melalui pelaburan dalam saham yang tersenarai dalam Bursa Malaysia atau bursa saham yang lain, saham tidak tersenarai dan sekuriti hutang Islam dan aset lain yang tidak memberi faedah yang boleh diterima di bawah prinsip Syariah. Akan tetapi, polisi ini bukan pelan yang mematuhi prinsip Syariah.

(v) Dana TokioMarine-Luxury

Untuk melabur dalam Dana RHB Leisure, Lifestyle & Luxury yang berpotensi mencapai peningkatan modal berjangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan ekuiti berkaitan sekuriti yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang menyediakan barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam pasaran Riadah, Gaya Hidup dan Mewah, atau skim pelaburan kolektif yang mempunyai tujuan pelaburan yang sama.

Sila rujuk Risalah Fakta Dana untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang dana-dana pelaburan.

Polisi ini memberi opsyen Premium Tambahan seperti berikut:

(i) Premium Tambahan Berkala

Satu opsyen yang membolehkan anda menentukan jumlah premium yang akan dibayar dengan kekerapan yang sama seperti premium asas untuk meningkatkan pulangan Nilai Dana Pelaburan anda.

Polisi ini boleh diserahkan pada bila-bila masa selepas telah berkuat kuasa, Nilai serahan adalah tidak terjamin dan bergantung pada prestasi dana pelaburan.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang diberikan?

Jumlah Asas yang Diinsuranskan bagi pelan ini adalah RM <Jumlah>.

Polisi ini memberikan:

(i) Manfaat Kematian/HUMK - manfaat kematian/HUMK akan dibayar berdasarkan jadual di bawah:

Hayat	Kematian/ HUMK	
	Tahun Polisi 1 - 3	Tahun Polisi 4 dan seterusnya
Hayat Standard	Nilai Dana Pelaburan (IFV), jika ada dan: (a) Jumlah Asas yang Diinsuranskan tolak dengan sebarang pengeluaran yang telah dibuat dari Nilai Dana Perlindungan dalam tempoh 12 bulan yang lepas sebelum berlakunya kematian/HUMK; atau (b) Nilai Dana Perlindungan (PFV) yang mana lebih tinggi, ditolakkan dengan sebarang keterhutangan.	
Hayat Sub-standard	Nilai Dana Pelaburan (IFV), jika ada dan: (a) 115% daripada Jumlah Premium yang Dibayar bagi pelan asas* tolak dengan sebarang pengeluaran yang telah dibuat dari Nilai Dana Perlindungan dalam tempoh 12 bulan yang lepas sebelum berlakunya kematian/HUMK; atau (b) Nilai Dana Perlindungan (PFV) yang mana lebih tinggi, ditolakkan dengan sebarang keterhutangan.	Nilai Dana Pelaburan (IFV), jika ada dan: (a) Jumlah Asas yang Diinsuranskan tolak dengan sebarang pengeluaran yang telah dibuat dari Nilai Dana Perlindungan dalam tempoh 12 bulan yang lepas sebelum berlakunya kematian/HUMK; atau (b) Nilai Dana Perlindungan (PFV) yang mana lebih tinggi, ditolakkan dengan sebarang keterhutangan.
Hayat Severely Sub-standard	Nilai Dana Pelaburan (IFV), jika ada dan: (a) 105% daripada Jumlah Premium yang Dibayar bagi pelan asas* tolak dengan sebarang pengeluaran yang telah dibuat dari Nilai Dana Perlindungan dalam tempoh 12 bulan yang lepas sebelum berlakunya kematian/HUMK; atau (b) Nilai Dana Perlindungan (PFV) yang mana lebih tinggi, ditolakkan dengan sebarang keterhutangan.	

(ii) Manfaat Kematian akibat Kemalangan disebabkan oleh sebarang sebab selain daripada menaiki Pengangkutan Awam dan Bencana Alam - Tambahan RM <Jumlah>, ATAU

(iii) Manfaat Kematian akibat Kemalangan disebabkan oleh menaiki Pengangkutan Awam - Tambahan RM <Jumlah>, ATAU

(iv) Manfaat Kematian akibat Kemalangan disebabkan oleh Bencana Alam - Tambahan RM <Jumlah>.

(v) Manfaat Kematangan - Jumlah Nilai Dana.

(vi) Opsyen Jaminan Boleh Diinsuranskan selepas Kematangan - opsyen untuk membeli polisi baru yang melindungi kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) tanpa bukti boleh diinsuranskan, di mana amaun yang dibayar semasa kematian/HUMK bagi polisi yang baru tidak melebihi:

- Jumlah Asas yang Diinsuranskan RHB Essential PrimeLink Plus-Premier (bagi Hayat Standard dan Hayat Sub-Standard); atau
- 105% daripada Jumlah Premium yang Dibayar bagi pelan asas* untuk RHB Essential PrimeLink Plus-Premier (bagi Hayat Severely Sub-Standard).

Orang yang Diinsuranskan masih perlu memenuhi syarat kelayakan bagi polisi baru tersebut.

Catatan:

- Manfaat HUMK dan Manfaat Tambahan Kematian akibat daripada kemalangan akan dihentikan pada ulang tahun polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70tahun.
- Maksimum Jumlah yang Diinsuranskan bagi HUMK adalah tertakluk kepada RM8 juta setiap hayat bagi semua polisi individu di bawah Tokio Marine Life atas Orang Diinsuranskan yang sama.
- Maksimum manfaat tambahan yang dibayar ke atas kematian akibat daripada kemalangan adalah tertakluk kepada RM10 juta setiap hayat bagi semua polisi individu.
- Manfaat ini hanya akan dibayar sekali dan peratusan Manfaat yang lebih tinggi akan dibayar sekiranya kematian akibat Kemalangan Orang yang Diinsuranskan adalah disebabkan oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku pada masa yang sama.
- Pengangkutan Awam bermaksud:

(a) Pengangkutan berdaftar yang perlu membayar tambang dan disediakan kepada orang ramai yang berperanan untuk mengangkut penumpang dengan melalui laluan yang ditetapkan dan/atau perjalanan berjadual tetap sebagai tujuan utamanya. Pengangkutan Awam termasuk mana-mana pengangkutan awam yang digerakkan secara mekanikal seperti bas, kapal, teksi (termasuk perkhidmatan ride-hailing yang lain), limosin lapangan terbang, kereta api, monorel, pesawat komersil dan feri. Definisi ini tidak merangkumi pengangkutan lain yang digunakan untuk rekreasi, hiburan dan pelancongan persendirian, kecuali kapal persiaran.

(b) dalam lif (kecuali lif di lombong dan di tapak bina) yang telah diperakui untuk membawa penumpang.

- Bencana Alam bermaksud ribut (angin, hujan, salji, hujan beku, kilat, habuk atau pasir), gempa bumi, banjir, letusan gunung berapi, kebakaran liar atau keadaan serupa yang disebabkan oleh punca semula jadi dan mengakibatkan kerosakan yang teruk dan meluas bahawa kawasan kerosakan diisytihar secara rasmi sebagai kawasan bencana oleh kerajaan negeri atau persekutuan jika kejadian tersebut berlaku di Malaysia, atau oleh pihak berkuasa jika kejadian berlaku di luar Malaysia.

*Jumlah Premium yang Dibayar bagi pelan asas merujuk kepada premium pelan asas dan Premium Tambahan Terhad (jika ada). Ia tidak termasuk Premium Tambahan Berkala dan Premium Tambahan Tunggal (jika ada).

Tempoh perlindungan polisi ini ialah <Tempoh> tahun melainkan dibatalkan lebih awal.

Jaminan Berkuatkuasa

Polisi ini tidak akan luput walaupun Jumlah Nilai Dana polisi ini menurun kepada kosong. Jaminan Berkuatkuasa ini akan kekal kuat kuasa selagi:

- (a) Semua premium termasuk premium tambahan terhad, premium tambahan berkala dan rider premium yang kena dibayar telahpun dibayar tepat pada masanya; dan
- (b) Tiada sebarang pengeluaran telah dibuat daripada Nilai Dana Perlindungan.

Polisi ini juga dilampir dengan rider-rider yang berikut:

Income Plus Enhancer Rider

Saver Plus Enhancer Rider

Dana yang dipilih:

Dana-Dana	Peruntukkan Dana (%)
<Dana yang dipilih>	<%>

Peringatan: Sila baca ilustrasi jualan yang merangkumi manfaat-manfaat produk dan objektif-objektif dana berkaitan pelaburan. Adalah sangat penting supaya anda memilih pelan atau kombinasi dana yang bersesuaian dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

Jika Orang yang Diinsuranskan berumur kurang daripada 5 tahun, jumlah yang diinsuranskan tertolak seperti yang berikut akan dibayar sebagai Manfaat Kematian:

Umur ketika Kematian	Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar
30 hari hingga umur 1 tahun hari jadi berikut	20%
Umur 2 tahun hari jadi berikut	40%
Umur 3 tahun hari jadi berikut	60%
Umur 4 tahun hari jadi berikut	80%
Umur 5 tahun hari jadi berikut dan ke atas	100%

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium asas yang perlu anda bayar dan tempoh polisi akan berubah mengikut pengunderaitan kami

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar:

- RM <Jumlah> setiap tahun
- RM <Jumlah> setiap setengah tahun
- RM <Jumlah> setiap suku tahun
- RM <Jumlah> setiap bulan

Tempoh pembayaran premium: <Tempoh> tahun.

Kami memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit-unit dalam dana(-dana) pelaburan. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada wakil jualan dan perbelanjaan lain kami. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukkan yang ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

- Caj-caj insurans akan ditolak daripada nilai-nilai unit anda setiap bulan. Caj-caj insurans akan meningkat apabila umur anda meningkat.
- Fi polisi bulanan sebanyak RM8.50 perlu dibayar pada tarikh polisi berkuatkuasa dan setiap ulang bulan yang berikut ketika polisi masih berkuatkuasa bagi setiap mod pembayaran.
- Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).
- Caj pengurusan dana (% daripada nilai dana setiap tahun)

Dana-Dana	Maksimum (% p.a. daripada nilai aset bersih dana)	Semasa (% p.a. daripada nilai aset bersih dana)
Dana TokioMarine-Enterprise	1.50	1.50
TokioMarine-Dana Ikhtiar	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Managed	1.50	1.20
Dana TokioMarine-Orient	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Luxury	1.50	1.50

- Fi pertukaran dana: Tiada

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk Komisen untuk Premium Asas dan Premium Tambahan** berikut:

Tahun Polisi	Premium Asas yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar		Premium Tambahan Dibayar**	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	10.00%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
2	<Jumlah>	18.50%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
3	<Jumlah>	14.50%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
4	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
5	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
6	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
7	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
8	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
9	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
10	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>	<Jumlah>	3.75%	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>		<Jumlah>	<Jumlah>		<Jumlah>

**Jumlah daripada Premium Tambahan Berkala dan Premium Tambahan Terhad, jika ada.

Catatan:

- Maklumat lanjut tentang fi-fi dan caj-caj untuk ILP telah diberikan dalam ilustrasi jualan. Semua fi dan caj adalah tidak dijamin dan akan disemak semula dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari awal kepada anda. Sebarang semakan yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi yang seterusnya.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - polisi ini boleh dibatalkan dengan permintaan bertulis dan mengembalikan dokumen polisi dalam tempoh masa 15 hari selepas penghantaran polisi kepada anda. Apabila pembatalan polisi dibuat, kami akan memulangkan jumlah premium yang tidak diperuntukkan, Jumlah Nilai Dana pada tarikh penilaian seterusnya dan sebarang fi dan caj yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah kami tanggung (jika ada) semasa mengeluarkan polisi dan polisi anda akan dibatalkan.
- Nilai Dana Perlindungan - baki nilai unit bagi premium pelan asas dan Premium Tambahan Terhad (jika ada) yang telah diperuntukkan pada suatu ketika.
- Nilai Dana Pelaburan - baki nilai unit bagi Premium Tambahan Berkala dan GCP Terlabur (jika ada) yang telah diperuntukkan pada suatu ketika.
- Jumlah Nilai Dana - penjumlahan Nilai Dana Perlindungan (PFV) dan Nilai Dana Pelaburan (IFV) yang bergantung pada prestasi dana pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi paras perlindungan insurans yang dipilih, semakin banyak unit akan ditolak untuk membayar caj insurans dan semakin kurang unit yang baki untuk mengumpul nilai dana di bawah polisi anda.
- Polisi luput - ILP akan luput sekiranya Jumlah Nilai Dana (TFV) tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain serta Jaminan Berkuatkuasa telah dibatalkan.
- Caj Insurans - Caj Insurans adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari awal. Sebarang semakan semula yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.
- Notis tuntutan - notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh kematian dan 6 bulan dari tarikh HUMK.
- Penggantian polisi - penggantian polisi anda dengan polisi yang baru mungkin tidak berfaedah. Terma dan syarat baru bagi polisi baru mungkin diaplikasi jika keadaan kesihatan semasa adalah tidak memuaskan bagi syarikat insurans baru. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, kami mencadangkan supaya anda mendapatkan nasihat daripada kami/ wakil jualan kami sebelum membuat keputusan muktamad.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk mendapatkan terma dan syarat yang lengkap.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat Kematian
 - Bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian.
- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
 - percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
 - kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
 - sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang berjadual tetap);
 - pelayaran kapal selam;
 - perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
 - pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
 - sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian;
 - peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, mogok, aktiviti penganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam; atau
 - keadaan sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian.

- Manfaat Kematian akibat Kemalangan

- sebarang bentuk masalah kesihatan atau penyakit yang disebabkan oleh punca bukan kemalangan;
- percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
- kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
- sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang berjadual tetap);
- pelayaran kapal selam;
- perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- pengembalian ketenteraman awam atau membuat apa-apa tangkapan sebagai pegawai undang-undang;
- peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, mogok, aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam;
- keadaan sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula polisi, yang mana lebih kemudian;
- hernia, jangkitan ptomaina atau bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku disebabkan dan melalui luka atau kecederaan kemalangan); atau
- racun, gas, wasap (secara sukarela atau bukan sukarela, tidak disengajakan atau sebaliknya, diambil, diberikan, diserap atau disedut).

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecuaian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli ILP berpremium berkala merupakan satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda tidak digalakkan untuk memegang polisi ini untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Jumlah nilai yang akan kami bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum kematangan polisi akan kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar melainkan dana(-dana) yang dipilih mempunyai prestasi yang baik. Jika anda mendapati bahawa dana(-dana) yang anda pilih tidak lagi sesuai dengan anda, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

Talian Am : 03-2059 6188
Faks : 03-2162 8068
Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999
E-mel : customer@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila tanya kami/ wakil jualan kami untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PELABURAN DAN BUKAN SEJENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT BERSEJAJAR DENGAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'TOKOKAN'. PULANGAN DARI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 28/02/2024 .

Risalah Pendedahan Produk Income Plus Enhancer Rider

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Income Plus Enhancer Rider. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Income Plus Enhancer Rider ialah rider pembayaran premium yang memberikan Bayaran Tunai Terjamin (GCP) setiap tahun, bermula daripada akhir tahun polisi pertama dengan manfaat kematangan sebanyak **700%** daripada jumlah diinsuranskan rider ini.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang diberikan?

Bilangan unit yang dipilih bagi rider ini ialah <Jumlah> unit dan Jumlah Diinsuranskan Rider ini adalah RM <Jumlah> .

Rider ini menawarkan:

(i) **Bayaran Tunai Terjamin bersamaan dengan peratusan tertentu daripada Jumlah Diinsuranskan Rider yang akan dibayar setiap tahun adalah seperti berikut:**

Akhir Tahun	Kadar Jumlah Diinsuranskan Rider	Amaun (RM)
1 to 10	10%	<Jumlah>
11 to 20	20%	<Jumlah>
21 to 29	40%	<Jumlah>

Anda boleh memilih untuk menerima GCP yang akan dibayar, meninggalkan GCP tersebut dengan Syarikat untuk pengumpulan faedah yang tidak terjamin dan tertakluk kepada perisytiharan syarikat dari semasa ke semasa, ATAU melaburkan GCP tersebut dalam dana berkaitan pelaburan dengan 100% kadar peruntukan. Sila rujuk Illustansi Jualan untuk amaun GCP yang anda akan terima setiap tahun.

(ii) **Manfaat Kematian/HUMK**** - GCP terkumpul, jika ada tolak dengan sebarang hutang yang tertunggak bersama dengan manfaat mengikut jadual di bawah akan dibayar.

Hayat	Tahun Polisi 1 ke 3	Tahun Polisi 4 dan seterusnya
Hayat Standard	100% jumlah premium yang dibayar untuk rider ini ditolak jumlah GCP yang telah dibayar, ATAU nilai tunai rider, bergantung mana yang lebih tinggi nilainya.	
Hayat Sub-standard	80% jumlah premium yang dibayar untuk rider ini ditolak jumlah GCP yang telah dibayar, ATAU nilai tunai rider, bergantung mana yang lebih tinggi nilainya.	100% jumlah premium yang dibayar untuk rider ini ditolak jumlah GCP yang telah dibayar, ATAU nilai tunai rider, bergantung mana yang lebih tinggi nilainya.
Hayat Severely Sub-standard	80% jumlah premium yang dibayar untuk rider ini ditolak jumlah GCP yang telah dibayar, ATAU nilai tunai rider, bergantung mana yang lebih tinggi nilainya.	

(iii) **Manfaat Kematangan** - Bayaran sekaligus sebanyak RM <Jumlah> daripada jumlah diinsuranskan rider ini bersama dengan GCP Terkumpul, jika ada tolak dengan sebarang hutang yang tertunggak.

**Catatan:

- Hanya satu tuntutan sama ada tuntutan Kematian atau HUMK akan dibayar di bawah Rider ini.
- Manfaat HUMK akan dihentikan pada ulang tahun polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun.

Tempoh perlindungan: <Tempoh> tahun atau apabila berlakunya kematian/HUMK pada Orang yang Diinsuranskan, penyerahan, kematangan, pembatalan atau penamatan polisi/rider ini, di mana yang lebih awal.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Anggaran premium yang anda perlu bayar untuk rider ini ialah:

- RM <Jumlah> setiap tahun
- RM <Jumlah> setiap setengah tahun
- RM <Jumlah> setiap suku tahun
- RM <Jumlah> setiap bulan

Tempoh Bayaran Premium: <Tempoh> tahun.

Sila rujuk muka surat ke-2 Illustansi Jualan untuk jumlah premium yang anda perlu bayar bagi polisi ini.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk Komisen untuk Income Plus Enhancer Rider berikut:

Tahun Polisi	Premium Rider yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	10.00%	<Jumlah>
2	<Jumlah>	18.50%	<Jumlah>
3	<Jumlah>	14.50%	<Jumlah>
4	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
5	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
6	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
7	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
8	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
9	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
10	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>		<Jumlah>

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - rider ini boleh dibatalkan dengan permintaan bertulis dan dengan mengembalikan dokumen rider dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran dokumen rider ini kepada anda. Setelah rider ini dibatalkan, kami akan memulangkan premium yang telah dibayar bagi rider ini, selepas menolak sebarang perbelanjaan perubatan yang kami tanggung (jika ada) dalam mengeluarkan rider ini dan rider ini akan dibatalkan.
- Premium tidak berbayar - apabila jumlah premium untuk polisi ini tidak dibayar pada tepat masa, rider ini akan terus berkuat kuasa, tertakluk kepada Nila Dana. Walaubagaimanapun, bayaran nilai tunai terjamin tidak akan diisytiharkan. Bayaran nilai tunai terjamin hanya akan diisytiharkan apabila berlakunya kematian/HUMK Orang yang Diinsuranskan, penyerahan atau kematangan rider, mengikut mana-mana yang lebih awal.
- Notis tuntutan - notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh kematian dan 6 bulan dari tarikh HUMK.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk mendapatkan terma dan syarat rider ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

Tiada manfaat akan dibayar jika Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Orang yang Diinsuranskan adalah akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:

- percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
- kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
- sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang berjadual tetap);
- pelayaran kapal selam;
- perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian;
- peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, mogok, aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam; atau
- keadaan sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian.

7. Bolehkah saya membatalkan rider ini?

Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, nilai rider, GCP Terkumpul, jika ada tolak dengan sebarang hutang yang tertunggak akan dibayar dan perlindungan rider ini akan dihentikan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Ground Floor, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Talian Am : 03-2059 6188

Faks : 03-2162 8068

Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999

E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila tanya kami/ wakil jualan kami untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 28/02/2024.

Risalah Pendedahan Produk Saver Plus Enhancer Rider

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Saver Plus Enhancer Rider. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Saver Plus Enhancer Rider ialah rider pembayaran premium yang memberikan manfaat kematian, HUMK dengan manfaat kematangan terjamin dan bonus kesetiaan.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang diberikan?

Bilangan unit yang dipilih bagi rider ini ialah <Jumlah> unit dan Jumlah Diinsuranskan Rider ini adalah RM <Jumlah>.

Rider ini menawarkan:

(i) **Manfaat Kematian/HUMK**** - manfaat mengikut jadual di bawah akan dibayar:

Hayat	Tahun Polisi 1 ke 3	Tahun Polisi 4 dan seterusnya
Hayat Standard	Bergantung mana yang lebih tinggi nilainya : - Nilai tunai rider; ATAU - 100% jumlah premium yang dibayar untuk rider ini.	
Hayat Sub-standard	Bergantung mana yang lebih tinggi nilainya : - Nilai tunai rider; ATAU - 80% jumlah premium yang dibayar untuk rider ini.	Bergantung mana yang lebih tinggi nilainya : - Nilai tunai rider; ATAU - 100% jumlah premium yang dibayar untuk rider ini.
Hayat Severely Sub-standard	Bergantung mana yang lebih tinggi nilainya : - Nilai tunai rider; ATAU - 80% jumlah premium yang dibayar untuk rider ini.	

(ii) **Manfaat Kematangan** - Bayaran sekaligus sebanyak RM <Jumlah> dengan Bonus Kesetiaan RM <Jumlah>.

**Catatan:

- Hanya satu tuntutan sama ada tuntutan Kematian atau HUMK akan dibayar di bawah Rider ini.
- Manfaat HUMK akan dihentikan pada ulang tahun polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun.

Tempoh perlindungan: <Tempoh> tahun atau apabila berlakunya kematian/HUMK pada Orang yang Diinsuranskan, penyerahan, kematangan, pembatalan atau penamatan polisi/rider ini, di mana yang lebih awal.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Anggaran premium yang anda perlu bayar untuk rider ini ialah:

- RM <Jumlah> setiap tahun
- RM <Jumlah> setiap setengah tahun
- RM <Jumlah> setiap suku tahun
- RM <Jumlah> setiap bulan

Tempoh Bayaran Premium: <Tempoh> tahun.

Sila rujuk muka surat ke-2 Ilustrasi Jualan untuk jumlah premium yang anda perlu bayar bagi polisi ini.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

- Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diperuntukkan kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk Komisen untuk Saver Plus Enhancer Rider berikut:

Tahun Polisi	Premium Rider yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	10.00%	<Jumlah>
2	<Jumlah>	18.50%	<Jumlah>
3	<Jumlah>	14.50%	<Jumlah>
4	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
5	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
6	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
7	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
8	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
9	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
10	<Jumlah>	2.00%	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>		<Jumlah>

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - rider ini boleh dibatalkan dengan permintaan bertulis dan dengan mengembalikan dokumen rider dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran dokumen rider ini kepada anda. Setelah rider ini dibatalkan, kami akan memulangkan premium yang telah dibayar bagi rider ini, selepas menolak sebarang perbelanjaan perubatan yang kami tanggung (jika ada) dalam mengeluarkan rider ini dan rider ini akan dibatalkan.
- Premium tidak berbayar - apabila jumlah premium untuk polisi ini tidak dibayar pada tepat masa, rider ini akan terus berkuat kuasa, tertakluk kepada Nila Dana. Walaubagaimanapun, bayaran nilai tunai terjamin tidak akan diisytiharkan. Bayaran nilai tunai terjamin hanya akan diisytiharkan apabila berlakunya kematian/HUMK Orang yang Diinsuranskan, penyerahan atau kematangan rider, mengikut mana-mana yang lebih awal.
- Notis tuntutan - notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh kematian dan 6 bulan dari tarikh HUMK.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk mendapatkan terma dan syarat rider ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

Tiada manfaat akan dibayar jika Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Orang yang Diinsuranskan adalah akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:

- percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
- kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
- sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang berjadual tetap);
- pelayaran kapal selam;
- perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian;
- peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, mogok, aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam; atau
- keadaan sedia ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian.

7. Bolehkah saya membatalkan rider ini?

Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, nilai rider akan dibayar dan perlindungan rider ini akan dihentikan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

Talian Am : 03-2059 6188
Faks : 03-2162 8068
Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999
E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila tanya kami/ wakil jualan kami untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 28/02/2024.